

120 mahasiswa Fakulti Teknologi UMP meriahkan Program Ramah Mesra Bersama Industri



SEBANYAK 120 mahasiswa Fakulti Teknologi UMP merakam kenangan di hadapan Hotel Sri Manja Boutique, Kuantan, baru-baru ini.

KUANTAN 21 Jan. - Seramai 120 mahasiswa Fakulti Teknologi Universiti Malaysia Pahang (UMP) hadir memeriahkan Program Ramah Mesra Bersama Industri Sempena Makan Malam Penuntut Akhir fakulti tersebut di Hotel Sri Manja, di sini baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program anjuran Persatuan Fakulti Teknologi (Protech) itu merupakan satu platform untuk memperkenalkan penuntut tahun akhir kepada pihak industri.

"Majlis ini sangat besar impaknya bukan sahaja kepada hubungan industri dan Fakulti Teknologi malah untuk penuntut tahun akhir khususnya.

"Ini kerana pihak industri secara tidak langsung dapat bertemu de-

ngan produk berkualiti daripada fakulti ini yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kebolehpasaran para graduan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Yang turut hadir Dekan Fakulti Teknologi, Prof. Madya Dr. Zularizam Ab. Wahid dan Timbalan Dekan Akademik Fakulti Teknologi, Dr. Mohd Ridzuan Darun.

Sementara itu, Zularizam berkata, para graduan atau alumni adalah produk yang secara langsung mencerminkan kualiti dan keberkesanan pembelajaran mereka semasa di universiti.

"Kewujudan mereka di luar sana sebagai pekerja atau pemain industri boleh dijadikan sebagai salah satu sumber dalam meningkatkan kepentingan universiti kepada pembangunan ekonomi negara," ujarnya.